



# KOPERASI KOSWIP MALAYSIA BERHAD

( Didaftarkan Tahun 1923 )

(KOPERASI KREDIT KAKITANGAN KERAJAAN, BADAN BERKANUN DAN GLC MALAYSIA)

No. Ruj : KOSWIP/BP/2022/10/(01)

Tarikh : 16 Rabiulawal 1444H  
13 Oktober 2022

Kepada : Anggota KOSWIP

Assalamualaikum WBT / Salam Sejahtera

Tuan/Puan,

## BORANG PERMOHONAN BANTUAN PENDIDIKAN/DERMasiswa/CEMERLANG BAGI TAHUN 2022

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Sukacita dimaklumkan bahawa Borang Permohonan Bantuan Pendidikan/Dermasiswa/Cemerlang bagi tahun 2022 akan mula diedarkan kepada anggota mulai **17 Oktober, 2022 (Isnin)**. Borang hendaklah dihantar di kaunter pertanyaan atau Bahagian Pentadbiran & Personel selewat-lewatnya pada atau sebelum **16 November, 2022 (Rabu) jam 5.00 petang**.

Sehubungan dengan itu, tuan/puan boleh mendapatkan borang permohonan tersebut di ibu pejabat KOSWIP, pejabat Cawangan Putrajaya atau melalui laman web KOSWIP [www.koswip.org.my](http://www.koswip.org.my) dan Facebook rasmi KOSWIP, Koperasi KOSWIP Malaysia Berhad.

Tuan/puan hendaklah memaklumkan kepada anggota kawasan tuan/puan seperti berikut :-

- i) Sila sertakan salinan kad pengenalan pelajar dan salinan penyata buku bank pelajar / ibu / bapa
- ii) Bagi anggota wanita, sila sertakan salinan kelahiran pelajar
- iii) Permohonan untuk anak tiri dan anak angkat hendaklah sah disisi undang-undang dan disertakan bukti yang sah
- iv) Pemohon hanya layak menerima satu sumbangan untuk seorang anak sahaja
- v) Permohonan tidak lengkap akan ditolak
- vi) Borang permohonan melalui faks tidak akan dilayan. Bagi yang menetap di luar kawasan, sila pos atau emailkan permohonan di [koswip@gmail.com](mailto:koswip@gmail.com)
- vii) Kelulusan permohonan akan dimaklumkan melalui sms dan wakil kawasan
- viii) Tuan/puan dikehendaki mengecop nama dan kawasan di atas borang yang dihantar melalui tuan/puan untuk mengelakkan sebarang kesulitan

Sekian dimaklumkan. Terima kasih

Saya dengan hormatnya,

**MOHAMAD AKHIR BIN ABDUL RAHMAN**

Setiausaha

b/p Koperasi KOSWIP Malaysia Berhad

S.k

i) Fail

### IBU PEJABAT:

Blok A-01-01 dan A-01-02, Pantai Business Centre, Jalan Pantai Baharu, 59200 Kuala Lumpur.

Telefon : (603) - 2201 0009 Faksimili : (603) - 2201 4989 / (603) - 2201 3312

Emel : [webmaster@koswip.org.my](mailto:webmaster@koswip.org.my) / [koswip@gmail.com](mailto:koswip@gmail.com) / [koswip2@gmail.com](mailto:koswip2@gmail.com) Laman Web : [www.koswip.org.my](http://www.koswip.org.my)

Facebook : Koperasi Koswip Malaysia Berhad

### CAWANGAN:

A-01-U08, Jalan P8D, 62250 Presint 8, Putrajaya.

Telefon : (603) - 8888 4011 Faksimili : (603) - 8888 4022 Emel : [koswip3@gmail.com](mailto:koswip3@gmail.com)